

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 19 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1421-MQT0340
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah penyeludupan beras selain daripada mengharamkan "*transshipment*" beras, dan apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi boikot pelabuhan Sabah dan Labuan oleh pedagang-pedagang dari Zamboanga, Filipina akibat rampasan 350 kontena beras dari Vietnam yang bernilai RM10 juta.

2. PR-1421-MQT0344
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada setuju dengan penahanan seorang lelaki atas sebab mengkritik Perdana Menteri serta halatuju Kerajaan untuk mempertahankan kebebasan bersuara dan pada masa yang sama menjaga keharmonian masyarakat memandangkan kes salah guna media sosial kian meningkat.

3. PR-1421-MQT0343
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi peningkatan penangkapan bot-bot nelayan Malaysia di antara sempadan laut Malaysia-Indonesia seperti bot Nemo dan bot nelayan berdekatan dengan Sarawak beberapa hari lalu dan langkah-langkah untuk membawa balik bot-bot dan nelayan Malaysia yang masih disita di Indonesia.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 19 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L04280
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program terbaru yang dirangka oleh pihak Kementerian untuk tahun 2019 dalam usaha menarik lebih ramai golongan belia bagi menceburi bidang eSport agar selari memenuhi kehendak Industri Revolusi 4.0.

2. PR-1421-L03107
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan program Skim Insurans Pekerjaan (SIP) yang dilaksanakan oleh Kementerian dari aspek :-
 - (a) berapakah jumlah yang dapat dibantu mendapatkan pekerjaan semula selepas dibuang kerja sejak Mei 2018 hingga kini ; dan

 - (b) berapakah peratusan pekerja yang tidak mengetahui tentang kelebihan dasar program ini kerana kurang maklumat ataupun kurang memahami cara pelaksanaan program ini.

3. PR-1421-L02931
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat menggunakan kaedah bekam di hospital-hospital Kerajaan. Ini kerana bekam adalah satu cara rawatan "*evidence-based*" yang berkesan dalam menangani penyakit kronik dan dapat mengurangkan kos rawatan.
4. PR-1421-L03762
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat mengharamkan penggunaan pukut tunda yang telah menjejaskan ekosistem dan kerosakan habitat ikan.
5. PR-1421-L04170
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk memastikan ada saluran internet di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan P211 Lanang.
6. PR-1421-L04030
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dalam menggalakan golongan usahawan tani muda dan B40 untuk terlibat dalam industri pertanian komoditi yang lebih menguntungkan.
7. PR-1421-L02956
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk membenarkan mana-mana penjawat awam gred DG48 dan ke atas menjawat sebarang jawatan dan keahlian dalam kesatuan.
8. PR-1421-L02921
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sebab-sebab harga barang basah masih lagi tinggi walaupun cukai GST telah dimansuhkan.

9. PR-1421-L03077
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan-perancangan Kementerian untuk memastikan alam semula jadi Malaysia terpelihara, terutamanya dalam isu pemanasan global yang berlaku pada ketika ini.
10. PR-1421-L03683
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lambakan orang asing yang datang ke Malaysia berleluasa melakukan aktiviti perniagaan seperti kedai makan, kedai runcit dan lain-lain lagi. Terdapat juga di kalangan mereka ini mencuri tanah di Cameron Highlands serta di lain-lain tempat dan akibatnya suasana telah menjurus ke "carca merba" sehinggakan orang tempatan pula telah hilang hak mereka. Apakah usaha oleh pihak Kerajaan untuk menbanteras aktiviti ini serta apakah usaha untuk menangkap mereka ini dan menghantar pulang ke negara asal.
11. PR-1421-L03512
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah Kementerian telah mengenalpasti pasaran baru untuk komoditi kelapa sawit dan sejauh manakah kejayaan dalam menembusi pasaran tersebut.
12. PR-1421-L03868
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemajuan Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa. Apakah permasalahan asas operasi LTSIP yang memerlukan peruntukan segera Kerajaan akan dipertimbangkan.
13. PR-1421-L04293
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah lokap simpanan tahanan yang dimiliki oleh Agensi Antidadah Kebangsaan AADK di setiap negeri dan apakah penyelesaian bagi kawasan yang tiada fasiliti lokap AADK.
14. PR-1421-L03285
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah yang diambil untuk menangani masalah bekalan air luar bandar serta langkah alternatif bantuan air di luar bandar terutamanya di Batang Sadong.

15. PR-1421-L03648
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan beban kerja guru. Adakah pemantauan dibuat terhadap pelaksanaan supaya kesannya dirasakan oleh seluruh warga pengajar.

16. PR-1421-L03671
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan kajian mengenai "*Personalised Number Plate*" bagi kenderaan di Malaysia dan bilakah anggaran masa memulakan sistem tersebut.

17. PR-1421-L03497
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah hasil kajian yang baru dibentangkan ke Majlis Veteran Kebangsaan dalam usaha Kerajaan mencari penyelesaian jangka panjang bagi kebajikan veteran angkatan tentera.

18. PR-1421-L03102
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci jumlah projek PPRT dan baik pulih rumah mengikut negeri serta jumlah keseluruhan bagi 3 tahun terakhir bermula 2017.

19. PR-1421-L03583
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan kesudian Kerajaan menggubal satu dasar atau undang-undang baru untuk memastikan bahawa Kerajaan Negeri tidak menceroboh atau meluluskan lesen pembalakan hutan tanpa mempertimbangkan hak Orang Asli seperti yang dinyatakan dalam UNDRIP.

20. PR-1421-L03824
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagi mengimbangi keadaan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera, Kerajaan sebelum ini mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perjelaskan secara terperinci apakah kedudukan keseimbangannya ketika ini dan apakah Kerajaan terus berhasrat untuk melaksanakan dasar tersebut.

21. PR-1421-L03452
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan ada merancang untuk mensyaratkan setiap sekolah untuk membuat ujian saringan DASS (*Depression Anxiety Stress Scales*) bagi mengenal pasti status kesihatan mental seseorang guru dan dapat mengenal pasti tahap stres, kebimbangan dan kemurungan. Jika ada, apakah tindakan selepas seseorang guru didapati mempunyai tahap stres, kebimbangan dan kemurungan di tahap yang tinggi.
22. PR-1421-L03561
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan keputusan Kerajaan berkaitan isu Tabung Haji bakal menarik balik subsidi kepada pengiring jemaah dan jemaah rayuan haji pada tahun 2019.
23. PR-1421-L04262
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkenaan dengan kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) yang telah ditubuhkan pada 16 Ogos 2018. Apakah Kerajaan juga sedang mempertimbangkan sistem pendaftaran pengundi secara automatik (*automatic registration of voters*) dan pemutihan Daftar Pengundi sebagai salah satu langkah pembaharuan sistem pilihan raya.
24. PR-1421-L03340
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan "*devolution of power*" bagi Sabah dan Sarawak dan apakah kuasa dan hak-hak yang telah disetujui oleh Kerajaan Pusat untuk dikembalikan kepada Sabah dan Sarawak. Apakah jadual tempoh pelaksanaan dan penyerahan hak-hak tersebut.
25. PR-1421-L04251
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan konsep "*living wage*" di Malaysia.
26. PR-1421-L04040
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan sebenar SST dari sudut penurunan harga barang keseluruhannya, kesan ke atas kos sara hidup dan jumlah kutipan cukai SST untuk Tahun 2018 dan terkini.

27. PR-1421-L03755
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rancangan yang telah dan bakal dilaksanakan untuk memastikan persatuan-persatuan sukan lebih berdikari terutama dalam aspek kewangan.
28. PR-1421-L03986
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan isu guru duka lara dapat diselesaikan dan statistik kes yang berjaya diselesaikan bagi permohonan kemasukan ke negeri Kelantan.
29. PR-1421-L03618
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sejauh manakah perkembangan cadangan menaikkan kadar tarif air di setiap negeri dan bagaimana Kerajaan menjamin kenaikan tarif air tidak akan membebankan rakyat terutamanya isi rumah yang berpendapatan rendah.
30. PR-1421-L03035
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 kedudukan dan keadaan perpaduan negara nampak semakin longgar dan rapuh. Apakah langkah-langkah yang sepatutnya dilakukan oleh Kerajaan bagi memperbaiki situasi ini.
31. PR-1421-L03390
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai pelancongan bagi hotel-hotel dan agihannya kepada negeri-negeri, termasuk Sabah dan Sarawak.
32. PR-1421-L03857
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik terkini bilangan pengundi yang tidak berdaftar mengikut pecahan kaum, jantina, umur dan negeri berikutan cadangan Kerajaan untuk merendahkan umur layak mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun.
33. PR-1421-L03430
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kenderaan-kenderaan ambulans baru yang dipohon oleh Klinik Kesihatan di Jalan Perak, Jelutong, Pulau Pinang dibekalkan oleh pihak Kementerian.

34. PR-1421-L03553
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan terutamanya pihak PDRM dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam mengatasi kes penipuan kelayakan akademik di kalangan pemimpin/calon pilihan raya.
35. PR-1421-L03083
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang dipohon untuk membaik pulih prasarana sekolah-sekolah Kerajaan di dalam Parlimen Ledang dan nilainya serta sebab peruntukan-peruntukan ini belum diluluskan.
36. PR-1421-L03270
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil dapatan Pasukan Petugas Khas mengenai peranan dan fungsi badan berkanun dan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Apakah 2019 akan menjadi tahun berkurangnya "*crowding out*" di dalam pasaran.
37. PR-1421-L03591
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jika ada cadangan untuk mengoptimumkan tapak pelupusan sampah yang terdapat di negeri-negeri bagi menghasilkan tenaga boleh diperbaharui.
38. PR-1421-L03891
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah status pembangunan 550 unit Rumah Generasi Baru FELDA di Sembrong yang sebelum ini telah diluluskan oleh pentadbiran Kerajaan yang lepas di bawah *blueprint* Agenda Perumahan Sembrong.
39. PR-1421-L03239
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai pelancongan yang diterima Pusat sejak ia diperkenalkan mengikut pecahan setiap negeri. Adakah ia akan dipulangkan kepada negeri-negeri berkaitan dan apakah mekanismenya. Jika tidak, kenapa.
40. PR-1421-L02879
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tekanan bekalan air rendah di Sri Aman.

41. PR-1421-L04138
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa ahli politik tidak akan menyalahgunakan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk kepentingan politik sehingga mengorbankan keharmonian kaum dan agama.
42. PR-1421-L03935
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kementerian untuk mempercepatkan pemberian baja subsidi (tambahan) semasa umur padi berusia 50 hari.
43. PR-1421-L04144
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang Kerajaan yang telah dikembalikan atau dijangka akan dapat dikembalikan kepada negara dalam isu skandal 1MDB.
44. PR-1421-L03466
Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penjelasan ekoran kegagalan Kerajaan untuk melunaskan elaun sara hidup sebanyak RM800 sebulan kepada peserta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA) yang melaksanakan projek penanaman semula getah sehingga pokok mencapai tahap matang dalam tempoh enam tahun.
45. PR-1421-L03172
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan lantikan lembaga pengarah dalam agensi Kerajaan dan GLCs setakat ini menurut merit yang ditetapkan.
46. PR-1421-L03637
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat dan bilakah sijil pemilikan rumah flat di Taman Mutiara Labuan boleh diperolehi oleh pembeli yang sudah menunggu sekian lama.
47. PR-1421-L03045
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan objektif Kertas Putih Pertahanan disediakan berbanding dengan Dasar Pertahanan sebelum ini yang turut mengambil kira soal keselamatan negara dan serantau.

48. PR-1421-L04053
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahbaik undang-undang sedia ada berkaitan pemalsuan sijil akademik.
49. PR-1421-L03914
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah keadaan tebusan rakyat Malaysia, Jari Abdulla yang ditahan oleh kumpulan Abu Sayyaf berhampiran gugusan kepulauan Tawi Tawi milik Filipina, pada 5 Disember lalu.
50. PR-1421-L02967
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setelah hampir 6 dekad berjuang menangani masalah penagihan dadah dengan berbilion dihabiskan, adakah Kementerian bersedia untuk membuat perubahan drastik seperti negara-negara barat yang berjaya menurunkan kadar masalah ini serta memberi peluang kepada para doktor menerajui rawatan penagihan dengan pendekatan tidak memenjarakan penagih dan dasar dekriminilisasi.
51. PR-1421-L03785
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha dan program Kementerian untuk membantu para pekebun kecil, penternak dan petani yang mengamalkan pertanian secara berpindah rendah khususnya di kawasan pedalaman Sarawak.
52. PR-1421-L03406
Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan Projek-projek Lampu Jalan Kampung (LJK), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) mengikut Kampung secara terperinci.
53. PR-1421-L04258
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam mengkaji hak dan status Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 semenjak Jawatankuasa Khas Kabinet ditubuhkan.
54. PR-1421-L03513
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyak projek yang diklasifikasikan sebagai projek sakit dan apakah tindakan pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

55. PR-1421-L03646

Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada pembinaan Lebuhraya Central Spine Road dapat dipercepatkan memandangkan rakyat sudah lama menderita akibat masalah kesesakan lalu lintas yang serius di daerah Bentong.

56. PR-1421-L03123

Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memastikan yuran untuk pelajar-pelajar antarabangsa di IPTA adalah lebih dari 30 hingga 40 peratus lebih tinggi dari kadar yuran yang dikenakan untuk warganegara Malaysia.

57. PR-1421-L03615

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) apakah pelan jangka panjang pihak Kementerian bagi memastikan kejatuhan harga getah tidak akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil getah ; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan peruntukan tambahan dan berterusan untuk tujuan ini.

58. PR-1421-L03358

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga barang, kos sara hidup yang tinggi serta kadar peluang pekerjaan rendah untuk golongan B40.

59. PR-1421-L03584

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesudian Kementerian memasukkan satu provisi kesamarataan ke dalam Akta Pendidikan untuk memastikan semua murid akan menerima sumber pendidikan yang sama rata tanpa mengira tuntutan pelajaran di SK, SJKC, SJKT atau sekolah rakyat selaras dengan konsep "kesamarataan sumber pendidikan" dan mempertimbangkan perbezaan di luar bandar-bandar.

60. PR-1421-L03163
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dapatan atau nasihat yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee* - ERC) kepada pihak Kerajaan dalam menambahbaik sistem pilihan raya di Malaysia.
61. PR-1421-L03189
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah status terkini persediaan Tahun Melawat Malaysia 2020, dan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memastikan kawasan luar bandar tidak ketinggalan daripada mendapat manfaat hasil dari Tahun Melawat Malaysia 2020 ini.
62. PR-1421-L03152
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) secara jelas hala tuju lima inisiatif kepada veteran ATM yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri ketika pelancaran Tabung Pahlawan 2017 terutama sekali Bantuan Bakti Negara (BBN) di mana kelayakan penerimanya bukan sahaja veteran yang tidak berpencen malah termasuk veteran ATM berpencen yang berumur 60 tahun ke atas; dan
 - (b) apakah hasil laporan berhubung dakwaan kira-kira 40,000 hektar tanah milik tentera yang dibuat tanpa tender terbuka.
63. PR-1421-L03114
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pemantauan dan rondaan Unit Peronda Lebuh Raya di Lebuh Raya Pantai Timur 2 Sdn Bhd (LPT2) didapati semakin berkurangan, dari lima kali rondaan sehari kepada tiga kali sahaja, sedangkan kes-kes keselamatan pengguna dilaporkan makin hari semakin meningkat.
64. PR-1421-L03813
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang telah disaring yang layak menerima bantuan pada fasa kedua dan adakah Kerajaan akan menambah jumlah bantuan dari RM100 kepada jumlah yang lebih berpatutan untuk golongan bujang yang benar-benar memerlukan bantuan Kerajaan.

65. PR-1421-L03240
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan domestik dan asing bagi seluruh negara bagi suku kedua tahun 2018 termasuk senarai jenis-jenis pelaburan terlibat serta negara yang melabur.
66. PR-1421-L03485
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah sehingga kini Kerajaan masih lagi gagal untuk memperkukuhkan nilai mata wang sehingga mengakibatkan nilai ringgit mencatat nilai paling rendah dalam sejarah berbanding baht.
67. PR-1421-L03830
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan yang sedang menjalani hukuman gantung sampai mati mengikut pecahan jenis jenayah dan pecahan etnik di antara warganegara dan bukan warganegara dari tahun 2009 sehingga kini serta banduan seumur hidup dalam penjara.
68. PR-1421-L03276
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi menghapuskan token dadah di Malaysia; dan
 - (b) berapakah statistik token dadah yang telah berjaya ditangkap oleh pihak PDRM.
69. PR-1421-L03020
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes-kes penghinaan terhadap institusi diraja yang dapat diselesaikan pada tahun 2018.
70. PR-1421-L03212
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status dan perkembangan program jualan atas talian (*Business Online*) bagi usahawan-usahawan desa dan berapakah jumlah usahawan yang terlibat serta nilai jualan sehingga Disember 2018.

71. PR-1421-L03695
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha yang dilakukan bagi penghapusan isu pemerdagangan manusia di negara ini selain penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) memandang Malaysia masih lagi berada pada Tahap 2 Pemerhatian berikutan tidak memenuhi sepenuhnya piawaian minimum yang ditetapkan.
72. PR-1421-L04121
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini Rang Undang-undang (RUU) Kesaksamaan Gender dan adakah pandangan tokoh Islam diambil kira dalam proses penggubalan RUU tersebut.
73. PR-1421-L03958
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah dan lokasi kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang beroperasi setakat ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah jumlah AES ini dan sejauh manakah penggunaan AES ini mampu melahirkan pemanduan berhemah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua , Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (18 Mac,2019)

2. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang Sivil (Pindaan) 2018 "

[Perdana Menteri]

4. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan

fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

5. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

6. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

7. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan

jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

8. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentangkan dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

10. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

11. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

12. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product (GDP)* di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

13. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons (CEP)* dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

14. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui affidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus

dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina. "

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan

sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

19. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan bagitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kadet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 19.03.2019 (Selasa)	1. YB Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)	1. Usaha Meningkatkan Mutu Dan Kualiti Sawit Di Parlimen Parit Sulong	1. YB Menteri Industri Utama
2. 19.03.2019 (Selasa)	2. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	2. Penukaran Sistem Penggera Kebakaran	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**